

**PROMOSI TAHUN BARU CINA HLB CONNECT 2025: LAKUKAN TRANSAKSI DAN MENANGI PELANCONGAN KE TOKYO UNTUK DUA ORANG & LEBIH HADIAH LAGI ([English Version](#))**  
Kemas Kini Terakhir 31 Disember 2024

### **TEMPOH PROMOSI**

**“Promosi Tahun Baru Cina HLB Connect 2025: Lakukan Transaksi dan Menangi Pelancongan ke Tokyo Untuk Dua Orang & Lebih Hadiah Lagi” (“Promosi”)** Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 6 Januari 2025 dan berakhir pada 28 Februari 2025 (“**Tempoh Promosi**”), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

### **TERMA & SYARAT**

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi (“**T&S**”)

### **KELAYAKAN**

1. Promosi ini terbuka untuk pelanggan individu Bank warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang merupakan pengguna HLB Connect baharu dan sedia (“**HLB Connect**”) dan memiliki Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB (“**CASA/CASA-i**”) dan/atau Kad Kredit HLB (“**Kad Kredit**”) (selepas ini dirujuk sebagai “**Pelanggan**”).
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan yang:
  - (a) pernah melakukan, atau pada masa ini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
  - (b) menghadapi prosiding muflis, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
  - (c) telah melanggar mana-mana terma dan syarat Promosi ini, terma dan syarat CASA/CASA-i dan/atau Kad Kredit, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect (“**Terma dan Syarat yang Terpakai**”) pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

### **TATACARA PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG**

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan perlu memenuhi pra-syarat berikut semasa Tempoh Promosi:
  - (a) **mendaftar untuk HLB Connect, melakukan transaksi yang layak (“Transaksi yang Layak”) dan memperoleh mata (“Mata Connect”)** seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 2](#) di bawah (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect baharu); ATAU
  - (b) **log masuk HLB Connect, melakukan Transaksi yang Layak dan memperoleh Mata Connect** seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 2](#) di bawah (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect yang sedia ada).

(Pelanggan yang telah memenuhi SEMUA syarat yang dinyatakan di bawah Klausula 3 di atas selepas ini akan dirujuk sebagai “**Pelanggan yang Layak**”).

4. Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat yang dinyatakan di bawah Klausula 3 akan berpeluang untuk memenangi senarai Hadiah (“**Hadiah**”), seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 1](#) di bawah.
5. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, Bank akan memperuntukkan Mata Connect kepada setiap Pelanggan yang Layak untuk setiap Transaksi yang Layak yang berjaya dilakukan semasa Tempoh Promosi, seperti ditunjukkan dalam [Jadual 2](#) di bawah. Pelanggan yang Layak yang pertama mencapai jumlah Mata Connect tertinggi, seperti yang direkod oleh Bank, akan memenangi Hadiah (“**Pemenang**”) atas dasar siapa cepat dia dapat, sehingga

jumlah bilangan Pemenang untuk setiap Kategori Hadiah telah diperuntukkan dalam penuh, seperti ditunjukkan dalam [Jadual 1](#) di bawah.

**Jadual 1: Hadiah**

Kategori Hadiah	Hadiah	Kaedah Pemilihan Pemenang	Jumlah Pemenang
<b>Hadiah Pertama</b>	Baucar pelancongan bernilai RM12,000 yang dikeluarkan oleh Mayflower Holidays Sdn Bhd (0843960T (200901001036)) (“ <b>Mayflower</b> ”) untuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>4 hari 3 malam dengan tiket penerbangan ke dan penginapan di Tokyo, Jepun untuk 2 orang; dan</li> <li>Pas 1 hari ke Sanrio Puroland untuk 2 orang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan yang Layak yang <b>pertama dan kedua</b> yang mengumpul Mata Connect tertinggi.</li> <li>Pemenang Hadiah ini <b>TIDAK</b> akan layak untuk memenangi Kategori Hadiah lain selain daripada Hadiah Ganjaran Khas untuk pengguna HLB Connect baharu.</li> </ul>	2
<b>Hadiah Kedua</b>	Sony Wireless Noise Cancelling Headphones (WH-1000XM5)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan yang Layak <b>ke-3</b> hingga <b>ke-5</b> yang mengumpul Mata Connect tertinggi seterusnya.</li> <li>Pemenang Hadiah ini <b>TIDAK</b> akan layak untuk memenangi Kategori Hadiah lain selain daripada Hadiah Ganjaran Khas untuk pengguna HLB Connect baharu.</li> </ul>	3
<b>Hadiah Ketiga (A)</b>	Edisi Terhad Hello Kitty Solitaire Set	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan yang Layak <b>ke-6</b> hingga <b>ke-15</b> yang mengumpul Mata Connect tertinggi seterusnya.</li> <li>Hadiah ini hanya akan <b>diberikan kepada pemegang akaun Konvensional</b>, dan semua pemegang akaun Islamik akan dikecualikan. Jika Pelanggan yang Layak dengan jumlah Mata Connect tertinggi ke-6 atau ke-15 ialah pemegang akaun Islamik atau bukan-Konvensional, Pelanggan yang Layak akan dimasukkan ke dalam Kategori Hadiah seterusnya iaitu untuk memenangi Hadiah Ketiga (B).</li> <li>Pemenang Hadiah ini <b>TIDAK</b> akan layak untuk memenangi Kategori Hadiah lain selain daripada Hadiah Ganjaran Khas untuk pengguna HLB Connect baharu.</li> </ul>	10
<b>Hadiah Ketiga (B)</b>	Kad Hadiah RM500 daripada from Uniqlo (Malaysia) Sdn	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan yang Layak <b>ke-16</b> hingga <b>ke-35</b> yang mengumpul</li> </ul>	20

	Bhd (201001020264 (904031-T)) (“ <b>Uniqlo</b> ”)	<p>Mata Connect tertinggi seterusnya.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pemenang Hadiah ini <b>TIDAK</b> akan layak untuk memenangi Kategori Hadiah lain selain daripada Hadiah Ganjaran Khas untuk pengguna HLB Connect baharu.</li> </ul>	
<b>Hadiah Keempat</b>	Baucar Makan Jepun Rakuzen RM300 daripada Super Dining Sdn Bhd (0534632P (200001032025)) (“ <b>Super Dining</b> ”)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan yang Layak <b>ke-36</b> hingga <b>ke-185</b> yang mengumpul Mata Connect tertinggi seterusnya.</li> <li>Pemenang Hadiah ini <b>TIDAK</b> akan layak untuk memenangi Kategori Hadiah lain selain daripada Hadiah Ganjaran Khas untuk pengguna HLB Connect baharu.</li> </ul>	150
<b>Hadiah Ganjaran Khas untuk pengguna HLB Connect baharu</b>	Ang Pow RM88 (Pulangan Tunai daripada Bank)	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>188</b> Pelanggan yang Layak yang <b>pertama</b> mendaftar untuk HLB Connect dan melakukan mana-mana dua (2) Transaksi yang Layak dalam <a href="#">Jadual 2</a> semasa Tempoh Promosi.</li> <li>Pemenang Pulangan Tunai ini masih layak untuk memenangi Hadiah daripada Kategori Hadiah lain.</li> </ul>	188

**Jadual 2: Transaksi yang Layak & Peruntukan Mata Connect**

No	Transaksi yang Layak	Mata Connect bagi setiap Transaksi yang Layak yang berjaya	Maksimum Mata Connect Harian	Maksimum Mata Connect yang boleh diperolehi sepanjang Tempoh Promosi
<b>Pembayaran/Pemindahan</b>				
1	Membuat Pembayaran dengan FPX atau DuitNow Online Baking/Wallets (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect Online dan menggunakan dana daripada <a href="#">CASA/CASA-i</a>	20	100	5,400
2	Membuat Pembayaran dengan FPX atau DuitNow Online Baking/Wallets (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect Online dan menggunakan dana daripada <a href="#">Kad Kredit</a>	30	150	8,100
3	Membuat Pembayaran Bil (min. RM10 setiap pembayaran) melalui	20	100	5,400

	HLB Connect dan menggunakan dana daripada <b>CASA/CASA-i</b>			
4	<b>Membuat Pembayaran Bil</b> (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect dan menggunakan dana daripada <b>Kad Kredit</b>	30	150	8,100
5	<b>Membuat Pembayaran DuitNow QR (“POS QR”) kepada mana-mana peniaga tempatan</b> (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App dan menggunakan dana daripada <b>CASA/CASA-i</b>	20	100	5,400
6	<b>Membuat Pembayaran DuitNow QR (“POS QR”) kepada mana-mana peniaga tempatan</b> (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App dan menggunakan dana daripada <b>Kad Kredit</b>	30	150	8,100
7	<b>Membuat Pemindahan ke Luar Negara</b> (min. RM1,000 setiap pindahan) melalui HLB Connect Online	20	60	300
8	<b>Membuat Tambah Nilai Prabayar</b> (min. RM10 setiap tambah nilai) melalui HLB Connect	10	30	1,620
9	<b>Membuat QR Rentas Sempadan kepada peniaga asing</b> (min. RM50 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App	8	24	1,296
10	<b>Membuat Pembayaran DuitNow QR (“P2P QR”) kepada keluarga dan rakan-rakan</b> (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App	5	20	1,080
11	<b>Membuat Pindahan DuitNow</b> (min. RM10 setiap pindahan) ke <b>Nombor Mudah Alih/Kad Pengenal/Pasport/Pendaftaran Perniagaan</b> melalui HLB Connect	5	20	1,080
<b>Pengambilan Produk</b>				
12(a)	<b>Memohon Kad Kredit</b> melalui HLB Connect Online <i>*Selepas penyerahan permohonan yang berjaya.</i>	500*	500	500
12(b)	<b>Kad Kredit HLB yang diluluskan daripada pemohon baharu kepada kad (“Pemohon NTC”) akan menerima Mata Connect bonus (“Mata Connect Bonus”)</b> <i>**Rujuk Nota 1 dan Klausula 6.</i>	1,000**	1,000	1,000
13	<b>Memindah dana daripada bank lain (“Dana Baharu”) ke CASA/CASA-i anda dan pilih “Promo CNY HLB Connect” mulai 15 Januari 2025</b>	500***	25,000	250,000

	<p>melalui HLB Connect Online untuk memperuntukkan Dana Baharu (“Amaun yang Diperuntukkan”) (min. RM1,000 setiap Amaun yang Diperuntukkan) selama dua (2) bulan berturut-turut (“Tempoh Peruntukkan”)</p> <p>***Rujuk <i>Nota 1</i> dan <i>Klausu 7</i>.</p>			
14	<p><b>Memohon Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i</b> melalui HLB Connect Online</p> <p>****<i>Selepas penyerahan permohonan yang berjaya.</i></p>	300****	300	300
15	<p><b>Membuka Akaun HLB Pay&amp;Save/-i atau Akaun HLB Wallet/-i</b> melalui Apply@HLB App <i>Nota1</i></p>	250	250	500
16	<p><b>Memohon Quick Cash/Pindahan Baki/Pelan Pembayaran Flexi</b> melalui HLB Connect</p>	100	300	900
17	<p><b>Memohon polisi Insurans</b> melalui HLB Connect App <i>Nota1</i></p> <p>****<i>Selepas penyerahan permohonan yang berjaya.</i></p>	100*****	300	300
18	<p><b>Meletakkan eDeposit Tetap/-i (“eFD/eFD-i”)</b> melalui HLB Connect</p>	100	200	500
19	<p><b>Melanggan unit Amanah baharu atau tambah nilai unit sedia ada dengan HLB Wealth</b> (min. RM50 setiap dana unit amanah) melalui HLB Connect Online</p> <p><i>Pelaburan dalam Unit Amanah tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke dalam Skim Unit Amanah/Unit Amanah Islam.</i></p>	50	150	600
20	<p><b>Menukar MYR kepada mata wang asing</b> (min. RM200 setiap penukaran) menggunakan <b>Ciri Pelbagai Mata Wang</b> dengan Akaun HLB Pay&amp;Save/-i atau Akaun HLB Wallet/-i melalui HLB Connect</p>	20	40	400
21	<p><b>Melanggan dana baharu dalam Akaun Pelaburan Berjangka-i</b> melalui HLB Connect Online</p> <p><i>Akaun Pelaburan Berjangka-i tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan</i></p>	20	40	200

	<i>ke dalam Akaun Pelaburan Berjangka-i.</i>			
<b>22</b>	<p><b>Melabur dana ASNB baharu atau tambah nilai dana sedia ada</b> (min. RM100 setiap pelaburan) melalui HLB Connect Online</p> <p><i>Akaun ASNB tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke dalam Akaun ASNB.</i></p>	10	50	500

**Nota<sup>1</sup>** Mata Connect berikut **TIDAK** akan ditunjukkan dalam halaman Penjejak Mata Connect anda:

- Permohonan Kad Kredit melalui Laman Web HLB dan Mata Connect Bonus apabila permohonan Kad Kredit anda diluluskan;
- Dana yang diuntukkan melalui HLB Connect Online;
- Pembukaan akaun melalui Apply@HLB App; dan
- Permohonan insurans melalui HLB Connect App

Mata Connect ini hanya akan ditambahkan pada pengiraan jumlah Mata Connect anda oleh Bank pada penghujung Promosi.

6. Pemohon NTC yang memohon Kad Kredit HLB melalui HLB Connect Online atau Laman Web HLB semasa Tempoh Promosi dan permohonan berjaya diluluskan oleh HLB selewat-lewatnya pada 14 Mac 2025 layak mendapat tambahan seribu (1,000) Mata Connect Bonus.

Sekiranya Pemohon NTC memohon lebih daripada satu (1) Kad Kredit HLB, Pemohon NTC hanya layak untuk Mata Connect Bonus sekali (1) tanpa mengira bilangan Kad Kredit HLB yang diluluskan.

Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan berikut **TIDAK** layak untuk Mata Connect Bonus:

- (i) pemegang kad utama sedia ada untuk mana-mana Kad Kredit HLB;
- (ii) Pemohon NTC yang telah pun memohon dan menyerahkan permohonan untuk Kad Kredit HLB sebelum permulaan Tempoh Promosi ini; atau
- (iii) Pemegang kad utama HLB terdahulu yang membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan memohon semula dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut semasa Tempoh Promosi.

7. Untuk mengelakkan keraguan, Amaun yang Diperuntukkan mesti diperolehi daripada Dana Baharu sahaja. Dana Baharu ditakrifkan sebagai dana yang diterima melalui pemindahan DuitNow, pemindahan segera atau GIRO antara bank daripada bank lain atau pengeluar e-wang yang didepositkan ke dalam CASA/CASA-i dalam tempoh tujuh (7) hari yang lalu.

Sekiranya Amaun yang Diperuntukkan ditarik balik (sama ada sebahagian atau sepenuhnya) semasa Tempoh Peruntukkan atas apa-apa sebab sekalipun, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Bank berhak dan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk memotong mana-mana Mata Connect yang telah diberikan untuk Transaksi yang Layak ini sebelum pengeluaran. Dalam perkara ini, potongan akan dibuat kepada pengiraan jumlah Mata Connect Pelanggan yang Layak pada penghujung Promosi.

8. Setiap Pemenang layak menerima **hanya satu (1) Hadiah** (sebagai Hadiah Pertama, Kedua, Ketiga (A) atau (B), atau Hadiah Keempat) **dan/atau Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Lapan Puluh Lapan (RM88)** sepanjang Promosi Tempoh.

9. Pemenang yang diumumkan daripada Promosi HLB Connect sebelum ini yang disenaraikan di bawah **TIDAK** layak untuk memenangi Hadiah dalam Promosi ini:
  - (i) Promosi Akhir Tahun HLB Connect 2024: Pemenang Hadiah;
  - (ii) Promosi HLB Digital Bank Plus Much More 2024: Pemenang Hadiah Utama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga; dan
  - (iii) Promosi Raya 2024: Pemenang Hadiah.
10. Kakitangan tetap, kontrak dan/atau sementara atau pekerja HLB yang terlibat dalam Promosi ini **TIDAK** layak untuk memenangi Hadiah.

#### **HALAMAN PENJEJAK MATA CONNECT (TERSEDIA MULAI 13 JANUARI 2025)**

11. Pelanggan yang Layak yang berjaya melakukan sebarang Transaksi yang Layak yang disenaraikan dalam [Jadual 2](#) di atas dalam Tempoh Promosi boleh melihat Mata Connect mereka pada Halaman Penjejak Mata Connect. Halaman Penjejak Mata Connect boleh diakses dengan melog masuk ke HLB Connect Online atau HLB Connect App dan klik pada sepanduk Penjejak Mata Connect dalam HLB Connect App dan butang Penjejak Mata Connect dalam HLB Connect Online.
12. Transaksi yang tidak berjaya atau tidak lengkap (disebabkan oleh tamat masa sistem) di mana Pelanggan yang Layak melakukan Transaksi yang Layak seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 2](#) di atas tetapi tidak melengkapkan transaksi, tidak akan layak mendapat sebarang Mata Connect.
13. Untuk Transaksi yang Layak di mana status transaksi tidak tersedia serta-merta, Mata Connect akan ditambah ke hari di mana Transaksi yang Layak dilakukan setelah Transaksi yang Layak tersebut telah berjaya.
14. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan pada Mata Connect, Mata Connect yang dikira oleh Bank selepas tamatnya Promosi ini akan dianggap tepat dan muktamad.

#### **PENGUMUMAN DAN PEMENUHAN PEMENANG**

15. Senarai Pemenang akan disiarkan di <https://www.hlb.com.my/connectcny> ("**Laman Web Promosi**") pada **10 Jun 2025**. Adalah menjadi tanggungjawab Pemenang untuk menyemak sama ada mereka telah menang dengan melayari Laman Web Promosi pada tarikh yang ditetapkan.
16. Pemenang (sebagai Pemenang Hadiah Pertama, Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga (A), Hadiah Ketiga (B) dan Hadiah Keempat) akan dihubungi oleh Bank melalui pemberitahuan tolak HLB Connect App ("**Pemberitahuan Aplikasi**"), SMS atau e-mel selewat-lewatnya pada **12 Jun 2025**. Pemenang Hadiah Pertama hingga Keempat dikehendaki menjawab dan/atau memberikan maklumat terkini dan sah mereka (seperti alamat penghantaran (dalam Malaysia sahaja), nombor telefon bimbit, dan lain-lain) kepada Bank **sebelum 22 Jun 2025**, jika gagal, Hadiah akan dibatalkan. Sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pemenang ini pada tarikh yang ditetapkan di atas (termasuk tetapi tidak terhad kepada, tiada balasan kepada Pemberitahuan Aplikasi kami, mempunyai storan peti masuk yang tidak mencukupi untuk menerima e-mel, dan sebagainya), mereka akan hilang kelayakan secara automatik dan Hadiah akan dibatalkan.
17. Terma dan syarat untuk Pemenang **Hadiah Pertama**:
  - (i) Pemenang akan menerima baucar pelancongan yang dikeluarkan oleh Mayflower **antara 22 Julai 2025 dan 5 Ogos 2025**.
  - (ii) Adalah menjadi kewajipan Pemenang untuk memberikan maklumat terkini dan sah mereka, dan Bank atau syarikat kurier yang dilantik tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank atau syarikat kurier yang dilantik tidak dapat menghubungi Pemenang



- untuk pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Hadiah untuk sebarang sebab sekalipun.
- (iii) Menjadi tanggungjawab Pemenang untuk membuat penebusan, tempahan dan/atau pengaturan perkhidmatan berkaitan pelancongan tersebut dengan Mayflower, dan Pemenang adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Mayflower:
    - (a) Baucar pelancongan tidak boleh dikembalikan, tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai;
    - (b) Penebusan adalah terhad sekali; berbilang penebusan berkala tidak dibenarkan;
    - (c) Sebarang perkhidmatan pelancongan berkaitan atau kos sampingan pelancongan yang melebihi nilai baucar pelancongan hendaklah ditanggung oleh Pemenang pada masa tempahan. Walau bagaimanapun, jika nilai penebusan kurang daripada nilai baucar pelancongan, tiada bayaran balik akan diproses;
    - (d) Baucar pelancongan adalah sah untuk tempoh satu (1) tahun dari tarikh pengeluaran;
    - (e) Penebusan baucar pelancongan tidak sah semasa Pameran Malaysian Association of Tour and Travel Agents atau tempoh promosi; dan
    - (f) Pemenang mesti menunjukkan kad pengenalan mereka (NRIC/Pasport) dan baucar pelancongan asal semasa penebusan di Mayflower.
  - (iv) Bank tidak mempunyai kawalan ke atas pengaturan termasuk tetapi tidak terhad kepada tiket penerbangan, penginapan hotel dan/atau pakej pelancongan. Sekiranya berlaku pertikaian berkaitan baucar pelancongan, Pemenang hendaklah berurusan terus dengan Mayflower.
  - (v) Baucar pelancongan sah untuk digunakan sehingga tarikh yang dinyatakan pada baucar pelancongan masing-masing. Jika baucar pelancongan kekal tidak digunakan selepas tarikh sah laku yang dinyatakan dalam terma dan syarat baucar pelancongan, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas lanjutan kesahihan atau penggantian baucar pelancongan. Selain itu, Bank tidak akan memberikan bayaran balik atau pampasan balik untuk nilai yang tidak digunakan jika Pemenang gagal menggunakan sepenuhnya nilai yang sama.
18. Terma dan syarat untuk Pemenang **Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga (A), Hadiah Ketiga (B) dan Hadiah Keempat**:
- (i) Pemenang akan dihubungi oleh syarikat kurier yang dilantik oleh Bank untuk pengaturan penghantaran atau pengambilan Hadiah (contohnya pengambilan sendiri di syarikat kurier jika tiada sesiapa berada di alamat anda) **antara 22 Julai 2025 dan 5 Ogos 2025**, jika gagal, Hadiah akan dibatalkan.
  - (ii) Adalah menjadi kewajipan Pemenang untuk memberikan maklumat terkini dan sah mereka, dan Bank atau syarikat kurier yang dilantik tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank atau syarikat kurier yang dilantik tidak dapat menghubungi Pemenang untuk pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Hadiah untuk sebarang sebab sekalipun.
  - (iii) Pemenang untuk Hadiah Ketiga (B) dan Hadiah Keempat adalah tertakluk kepada set terma dan syarat tambahan masing-masing yang dikenakan oleh Uniqlo dan Super Dining, seperti yang disenaraikan pada Hadiah.
19. Terma dan syarat untuk Pemenang **Hadiah Ganjaran Khas**:
- (i) Hadiah akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pemenang dengan Bank **pada 22 Julai 2025**. Oleh yang demikian, Pemenang perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah dan aktif **sehingga 22 Julai 2025**, jika gagal Hadiah akan dibatalkan.
  - (ii) Adalah menjadi kewajipan Pemenang untuk menghubungi Bank **sebelum 31 Julai 2025** jika Hadiah tidak diterima, sekiranya gagal, Pemenang Hadiah dianggap telah menerima Hadiah dan sebarang tuntutan untuk pembayaran balik **selepas 31 Julai 2025** tidak akan diproses.
20. Semua Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan model atau warna yang lain, wang tunai, kredit pendahuluan, cek atau manfaat yang sama nilai.



21. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan tentang kualiti atau kesesuaian Hadiah (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahihan dan/atau penggunaan Hadiah) dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak. Pemenang Hadiah hendaklah berurusan secara terus dengan pembuat/vendor bagi apa-apa pertanyaan, pertikaian, maklumat jaminan atau tuntutan berkaitan Hadiah tanpa mendapatkan bantuan dari Bank. Semua risiko, kehilangan, kerosakan dan/atau kecederaan yang berkait dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang
22. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah disebabkan oleh sebarang keadaan luar jangkaan di luar kawalan Bank yang munasabah.
23. Bank berhak untuk menggantikan Hadiah (kecuali Pulangan Tunai) dengan apa-apa barangan lain atau Pulangan Tunai yang sama nilai mengikut budi bicaranya dengan notis awal.
24. Semua Hadiah disediakan secara "Seperti Seadanya". Hadiah yang ditunjukkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web Bank bertujuan sebagai ilustrasi semata-mata. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang ditampilkan dengan Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan dekorasi dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah

#### **AM**

25. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak:
  - (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang Terpakai;
  - (ii) bersetuju bahawa semua rekod tentang pemenuhan syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan;
  - (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Promosi adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan yang Layak;
  - (iv) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka seperti nama, nombor telefon dan alamat rumah/tempat kerja kepada vendor pihak ketiga yang dibenarkan termasuk pembekal yang dilantik oleh Bank bagi pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Hadiah untuk Promosi ini, syarikat kurier yang dilantik oleh pembekal atau mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS atau e-mel bagi Promosi ini seperti Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U));
  - (v) bersetuju untuk bertanggungjawab menyediakan butiran kontak mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih, alamat e-mel dan alamat rumah/tempat kerja dan secara segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku sebarang perubahan. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan/bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak, atau SMS dan/atau e-mel tidak sampai, jika berkenaan, disebabkan oleh nombor mudah alih, alamat e-mel dan/atau alamat rumah/tempat kerja yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak tidak tepat/tidak sah atau SMS, e-mel dan/atau pemenuhan/penghantaran tidak dapat disampaikan atas apa juga sebab di luar kawalan munasabah Bank;
  - (vi) bersetuju dan membenarkan Bank untuk menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan data peribadi (iaitu nama dan nombor ID dan/atau akaun yang disembunyikan) para Pemenang bagi tujuan pengumuman Pemenang tanpa bayaran untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media;
  - (vii) bersetuju untuk mengakses Laman Web Promosi pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Promosi ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut;

- (viii) bersetuju bahawa sebarang SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak adalah bergantung sepenuhnya kepada Pelanggan yang Layak memiliki simpanan peti masuk yang mencukupi untuk menerima SMS dan/atau e-mel dan ketersediaan dan kualiti perkhidmatan penyedia perkhidmatan/rangkaian yang berkenaan, dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan apa pun sekiranya berlaku seperti:
- (a) SMS terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan oleh kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau
  - (b) sebarang isu penghantaran oleh penyedia e-mel yang berkaitan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelencongan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh penyedia e-mel Pelanggan yang Layak.
- (selepas ini dirujuk sebagai “**Kegagalan Rangkaian**”).
- Oleh yang demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga akibat sebarang kelambatan atau kegagalan menerima sebarang transmisi SMS dan/atau e-mel dari Bank dan begitu juga sebaliknya disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Rayuan bagi kelewatan atau kegagalan sedemikian tidak akan diproses;
- (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab untuk sebarang caj syarikat telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia disebabkan oleh komunikasi dengan Bank berkaitan dengan Promosi ini; dan
  - (x) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.
26. Bank berhak:
- (i) dengan memberi notis awal kepada Pelanggan yang Layak, untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya atau menamatkan Promosi dengan cara menyiarkan melalui Laman Web Promosi;
  - (ii) membatalkan Hadiah yang diperoleh sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat yang Terpakai; dan
  - (iii) untuk menarik balik Hadiah sekiranya terdapat sebarang penipuan dan pelanggaran yang dikesan terhadap Terma dan Syarat yang Terpakai.
27. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Terpakai hendaklah dibaca bersama-sama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.
28. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang tersenarai di sini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S yang muktamad pada Laman Web Promosi akan digunakan.
29. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
30. Melainkan dinyatakan sebaliknya, kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Ahli PIDM. Produk-produk CASA/CASA-i dan eFD/eFD-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).**

Produk-produk CASA-i dan eFD-i adalah akaun deposit berdasarkan kontrak Syariah iaitu Tawarruq.

Insurans ditaja jamin oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (197901002705) (46983-W), dan diedarkan oleh Hong Leong Bank Berhad. MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had. Sila rujuk kepada Risalah TIPS PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (<https://www.msig.com.my>) atau PIDM (lawati [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)). Bank tidak menerima tanggungjawab atau liabiliti untuk pelan atau produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-7626 8899.